

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
1	YB Sungai Air Tawar	- Mencadangkan pemberian tablet/ laptop kepada pelajar miskin bagi pembelajaran PDPR - Mencadangkan pewujudan program TV Pendidikan Selangor.	- Program ini akan dilaksanakan oleh pihak MBI. Agihan akan dilaksanakan kepada peserta PTRS.
2	YB Morib	- Portal pembelajaran secara PDPR di rumah masih tidak jelas dan perlu ditambah baik portal tersebut.	- Jawatankuasa Tetap Pendidikan kini sedang mengemakini kandungan ePTRS.my dengan bahan pembelajaran yang terkini.
3	YB Banting	- Bantuan-bantuan kepada pihak sekolah perlu dipercepatkan terutamanya dari segi peralatan bagi pembelajaran di rumah untuk golongan yang memerlukan.	- Bantuan yang diberikan kepada pihak sekolah buat masa ini adalah dalam bentuk bantuan infrastruktur sekolah,
4	YB Bukit Melawati .	- Pendidikan kemahiran teknikal - TVET untuk bantu belia/anak muda bagi membantu tahap kebolehpasaran pelajar India khususnya program IKTISAS yang perlu dikaji dan tambah baik atau diteruskan modul-modul sedia ada. Contohnya media kreatif, teknologi maklumat.	- Jawatankuasa . Teknikal . telah menyediakan <i>pipeline</i> Pembangunan Program IKTISASS yang merangkumi semua aspek dan melibatkan pelbagai kaum. - Pelaksanaan Program ini melibatkan institusi Pendidikan di bawah Kerajaan Negeri iaitu Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor, Kolej

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Universiti Selangor berdasarkan kepada kepakaran intitusi tersebut.
5	YB Ijok	- Perancangan untuk anak-anak muda yang sedang belajar untuk menghadapi situasi pandemik masa kini.	- Kerajaan Negeri Selangor kini telah melaksanakan Program Tuisyen Rakyat Selangor secara Hybrid iaitu secara bersemuka dan melalui dalam talian. Melalui program ini para pelajar turut dibekalkan buku modul pembelajaran untuk 5 mata pelajaran. Modul ini telah diagihkan kepada 30,000 pelajar yang menduduki peperiksaan SPM dan 20,000 naskah untuk murid tahun 6. Bagi pembelajaran secara atas talian, Kerajaan Negeri telah menyediakan portal pembelajaran ePTRS.my. Portal ini kini sedang dikemaskini kandungannya selari dengan kehendak pembelajaran semasa.
6	YB Hulu Selangor (MP)	- Industri ekonomi dengan merancang program kemahiran dalam bidang TVET dengan wujudkan kerjasama semua industry seperti sector automotif dan sector aeroangkasa bagi mewujudkan peluang pekerjaan di luar bandar.	- Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah mewujudkan Jaringan kerjasama dengan industri bagi memastikan program Latihan yang dijalankan berorientasikan industry dan seterusnya mendapat penempatan pekerjaan selepas Latihan. - Disamping itu, kerjasama dengan MBI melalui Program Selangor Kerjaya juga


BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			dapat melatih golongan lepasan sekolah berdasarkan perancangan 10 tahun industry yang terlibat.
7	YB Kuala Selangor (MP)	- Pendidikan TVET kepada anak2 muda, pengangguran dapat ditangani dengan lebih baik, skim yang lebih baik, khusus di luar Bandar, lebih melibatkan dalam kreatif dan ketrampilan.	- Program IKTISASS dilaksanakan melibatkan pelbagai lapisan lepasan sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan penawaran persijilan professional. - Selain itu, program ini juga memberi Latihan kepada pelajar yang tercicir untuk turut serta dalam bidang Latihan kemahiran.
8	YB Sungai Ramal	- Bantuan pemberian gajet untuk pembelajaran di rumah	- Program ini akan dilaksanakan di bawah MBI.
9	YB Bangi (MP)	- Program pemberian laptop – kerjasama dengan syarikat swasta (Green IT Tech) untuk membekalkan refurbish laptop kepada golongan B40 kerana menerima permohonan yang banyak. Mencadangkan supaya syarikat yang mengikuti program ini akan diberikan insentif diskaun cukai tanah atau cukai pintu. Pemberian laptop ini adalah bukan secara percuma tapi bayaran RM10 sewa bulanan sebagai cara menghargai laptop tersebut melalui	- Cadangan yang baik dan akan diteliti oleh pihak urus setia Jawatankuasa Tetap Pendidikan.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		agensi/jabatan seperti SUK, PBT dan Anak Syarikat.	
10	YB Taman Medan	- Bantuan bakul makanan dan pemberian tablet-tablet diperluaskan kepada para pelajar yang memerlukan. - Usahawan dan para petani perlu diberi <i>safety net</i> melalui PKPS. PKPS boleh melihat semula berkaitan harga minimum atau harga lantai untuk jualan supaya dapat bersaing di pasaran. - Mewujudkan kelas penggunaan <i>smart phone</i>	- Program agihan peranti kepada para pelajar akan dilaksanakan oleh pihak MBI.
11	YB Kota Anggerik	- Bantuan subsidi untuk PDPR	- Bantuan PDPR yang sedia ada ialah Progra Tuisyen Rakyat Selangor, melalui agihan buku modul pembelajaran SPM - Selain itu, penyediaan portal ePTRS.my. Portal ini akan memuatkan bahan pembelajaran yang terkini. - Bantuan lain seperti peranti dan akses internet akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
12	YB Bandar Utama	- Mewujudkan <i>platform</i> atas talian untuk majikan / syarikat mencari pekerja dan informasi jawatan kosong	- Sebuah platform atas talian, Selangor Talent Portal yang berbentuk laman web dengan pautan https://www.selangortalentportal.com.my telah dibangunkan oleh Invest Selangor Berhad ("Invest Selangor"). Kemudahan Selangor Talent Portal adalah diberi secara percuma kepada majikan yang mahu mengiklankan jawatan kosong dan individu yang ingin mencari peluang pekerjaan, di mana mereka hanya perlu mendaftar dengan Selangor Talent Portal. - Penyelarasan di antara Invest Selangor dan MBI akan membincangkan halatujui pembangunan dan pengurusan Selangor Talent Portal serta cara terbaik untuk mewujudkan satu platform pekerjaan yang bersepadu. - Walau bagaimanapun pada ketika ini majikan dan pekerja boleh menggunakan kemudahan pepadanan pekerjaan yang disediakan di bawah Program Selangor Kerjaya yang sedang dilaksanakan oleh MBI dengan mendaftar di https://www.selangorkerjaya.com.my.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
13	YB Kota Damansara	- Mewujudkan <i>platform</i> aduan pekerja untuk membantu pekerja yang dianiaya oleh majikan. - Bantuan tablet kepada anak-anak sekolah	- Maklum Balas daripada Seksyen Sektor UPEN, di bawah stanco Perberdayaan Pekerja
14	YB Banting	- Bantuan kepada sekolah-sekolah perlu dipercepatkan terutama peralatan bagi pembelajaran di rumah untuk golongan B40 khususnya. - Penyediaan kemudahan ppv dengan menggunakan khidmat Bas Smart Selangor di Kwasan-kawasan perumahan (luar Bandar).	- Bantuan PDPR yang sedia ada ialah Progra Tuisyen Rakyat Selangor, melalui agihan buku modul pembelajaran SPM. - Selain itu, penyediaan portal ePTRS.my. Portal ini akan memuatkan bahan pembelajaran yang terkini. - Bantuan lain seperti peranti dan akses internet akan dilaksanakan dalam masa terdekat.
15	YB ijok	- Perusahaan Kecil yang terjejas merangkumi B40 dan M40. - Perancangan masa panjang bagi membantu orang yang hilang pekerjaan. - Bantuan makanan adalah dalam jangka masa pendek	- Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor telah merancang untuk meneruskan program Karnival Kerjaya – Jelajah Selangor Bekerja Tahun 2021 sebanyak enam (6) siri melibatkan beberapa daerah di Negeri Selangor. Program ini akan dilaksanakan pada tahun ini tertakluk kepada situasi pandemik. - Selain itu, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) telah mengadakan satu inisiatif baharu iaitu Program Selangor

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			Kerjaya yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor mencari pekerjaan. Program ini menawarkan peluang pekerjaan melalui pemadanan kerjaya yang berkesan melalui Portal Selangor Kerjaya. Calon akan melalui penilaian profil serta pemadanan kerjaya tertakluk kepada pekerjaan yang diiklankan dan pemilihan tersebut akan dilakukan oleh majikan yang berdaftar sebelum penempatan kerja sebenar berlaku. Setelah penempatan kerja berlaku, calon akan diberikan latihan – latihan profesional dan akses pembelajaran atas talian selama dua belas (12) bulan.
16	YB Tanjong Karang (MP)	- Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu taksiran. - Peluang pekerjaan di Selangor – Kerajaan Negeri menyediakan mana-mana skim yang membantu rakyat yang telah diberhentikan kerja akibat Covid-19.	- Kerajaan Negeri Selangor telah merancang untuk meneruskan program Karnival Kerjaya – Jelajah Selangor Bekerja Tahun 2021 sebanyak enam (6) siri melibatkan beberapa daerah di Negeri Selangor. Program ini akan dilaksanakan pada tahun ini tertakluk kepada situasi pandemik. - Selain itu, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) telah mengadakan satu inisiatif baharu iaitu Program Selangor Kerjaya yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor mencari pekerjaan. Program ini menawarkan peluang

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			pekerjaan melalui pemadanan kerjaya yang berkesan melalui Portal Selangor Kerjaya. Calon akan melalui penilaian profil serta pemadanan kerjaya tertakluk kepada pekerjaan yang diiklankan dan pemilihan tersebut akan dilakukan oleh majikan yang berdaftar sebelum penempatan kerja sebenar berlaku. Setelah penempatan kerja berlaku, calon akan diberikan latihan – latihan profesional dan akses pembelajaran atas talian selama dua belas (12) bulan.
PENGESAHAN KETUA JABATAN  MUHAMAD FAIZ BIN MOHAMED YUSOF Ketua Penolong Setiausaha (Dasar) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia			